



# VOKASIONAL: ALTERNATIF PEMBELAJARAN SEPANJANG HAYAT

Oleh NADIAH NAUFAL

**P**EMBELAJARAN sepanjang hayat tidak hanya tertumpu pada pendidikan berorientasikan akademik semata-mata, sebaliknya merangkumi pelbagai aspek kehidupan dan disiplin ilmu. Dalam teori pembangunan insan, konsep pembangunan holistik yang seimbang dan menyeluruh dikaitkan dengan pembangunan kognitif (akal), afektif (nilai) dan psikomotor (kemahiran).

Bagi pelajar yang tidak mempunyai kecenderungan dalam bidang akademik, hal ini tidak bermakna peluang anda untuk membudayakan pembelajaran sepanjang hayat terhenti setelah tamat alam persekolahan. Jangan bimbang, peluang untuk berjaya dalam hidup sentiasa terbuka di hadapan, cuma anda perlu mencari kemahiran yang diminati dan memfokuskannya sebagai sasaran profesion anda. Di Jepun, mereka yang mempunyai kemahiran, sama ada kemahiran insaniah ataupun kemahiran teknikal dan amali, lebih dihargai berbanding dengan yang hanya berkelulusan tinggi tanpa kemahiran.

Sehubungan dengan itu, pengumuman sistem baharu pendidikan vokasional oleh Timbalan Perdana Menteri, merangkap Menteri Pelajaran Malaysia, Tan Sri Muhyiddin Mohd. Yassin, untuk melonjakkan kedudukan aliran tersebut dalam sistem pendidikan negara, memperlihatkan hala tuju yang seiring dengan hasrat untuk mencorakkan negara menjadi sebuah negara maju dan berpendapatan tinggi menjelang tahun 2020.

Pendidikan vokasional sememangnya memerlukan anjakan baharu bagi mengubah landskap pendidikan negara. Hal ini untuk mengurusperdanakan pendidikan vokasional serta mengubah komposisi modal insan

daripada berorientasikan lepasan akademik kepada lepasan aliran vokasional supaya sejajar dengan perkembangan arus globalisasi.

Tindakan proaktif Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) menstruktur semula sistem pendidikan menerusi Transformasi Pendidikan Vokasional (TPV) yang berkuat kuasa pada tahun 2013, amat bertepatan dengan tuntutan semasa. Hal ini dikatakan demikian kerana tindakan KPM mampu mengangkat martabat pendidikan vokasional sebagai aliran pendidikan yang akan menjadi alternatif atau pilihan pelajar.

Pada ketika ini, sistem pendidikan di Malaysia hanya mencatatkan 10 peratus daripada jumlah pelajar yang mengikuti pendidikan vokasional. Bilangan ini kecil jika dibandingkan dengan negara lain, seperti Korea Selatan yang mencatatkan 28 peratus, Australia 62 peratus dan Belanda 68 peratus, manakala dalam kalangan negara Pertubuhan Kerjasama Ekonomi dan Pembangunan (OECD) pula mencatatkan purata sebanyak 44 peratus. Bagi memperkasakan pendidikan vokasional dan sejajar dengan perkembangan arus perdana, kerajaan menyasarkan peningkatan jumlah pelajar vokasional kepada 20 peratus pada tahun 2013. Perubahan ini diperlukan untuk menyediakan tenaga kerja terlatih yang berkemahiran bagi memasuki pasaran pekerjaan dan memenuhi keperluan negara.


Bidang kemahiran dan teknikal yang didedahkan dengan latihan amali sejak di bangku sekolah membolehkan pelajar lebih mudah menyesuaikan diri dengan alam pekerjaan. Pekerja yang mempunyai kemahiran teknikal dan telah mengikuti latihan amali sangat diperlukan oleh pasaran industri tempatan pada masa kini. Hampir 80 peratus daripada tenaga kerja

yang memasuki pasaran pekerjaan di negara ini hanya mempunyai kelulusan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM). Kelayakan akademik tanpa kemahiran teknikal ini akan mengurangkan kualiti pekerjaan domestik dan boleh mengekang usaha negara untuk menjadi sebuah negara maju dalam tempoh yang disasarkan.

Transformasi pendidikan vokasional yang bermula pada tahun hadapan bakal memberikan penekanan terhadap amalan industri atau amali teknikal dan akan mengurangkan komposisi akademik. Lebih menarik lagi, Pendidikan Asas Vokasional (PAV) akan diperkenalkan kepada pelajar sejak tingkatan satu. Pelajar juga dibenarkan mengambil peperiksaan Sijil Kemahiran Malaysia (SKM) pada tahap satu, iaitu semasa berada di tingkatan dua dan SKM tahap dua semasa berada di tingkatan tiga.

Sementara itu, pelajar yang mengikuti aliran vokasional selepas tingkatan tiga akan diberi peluang untuk mengikuti pendidikan selama empat tahun sehingga peringkat diploma, iaitu SKM tahap empat. Transformasi ini menjanjikan kelulusan hingga peringkat diploma secara jalan pintas melalui pewujudan Kolej Vokasional (KV) selepas tingkatan tiga. Aliran vokasional memberikan peluang kepada pelajar yang pencapaian baik dan sederhana dalam akademik, tetapi lebih berminat kepada pembelajaran berkonsepkan pekerjaan. Komponen pembelajaran adalah seimbang antara teori dengan amali.

Dalam hal ini, ibu bapa tidak perlu lagi bersikap prejudis dengan menganggap pendidikan vokasional sebagai kelas kedua kerana permintaan terhadapnya yang semakin meningkat. Apatah lagi, latihan kemahiran yang diberikan oleh kerajaan mendapat pengiktirafan dunia dan sekali gus mampu melahirkan modal insan kelas pertama. Langkah memartabatkan pendidikan vokasional dilaksanakan supaya berlaku perubahan



Tenaga mahir di Jerman mencapai tahap 60 peratus dalam kalangan rakyatnya.

landskap dan aliran ini bakal menjadi pilihan utama, seperti yang diamalkan oleh bakal negara maju. Sebagai contoh, 60 peratus tenaga kerja di Jerman melibatkan mereka yang mendapat pendidikan dalam bidang vokasional

Menurut Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Tan Sri Nor Mohamed Yacop, tenaga vokasional diperlukan oleh pelbagai sektor, terutama industri pembinaan memerlukan tenaga kerja mahir bagi menajankan ekonomi negara. Pada masa yang sama, bidang ini dapat membantu kerajaan mengurangkan tenaga kerja asing dalam pasaran domestik.

Pemartabatan aliran pendidikan vokasional juga berkaitan rapat dengan usaha membantu kerajaan menyediakan peluang pekerjaan yang lebih luas. Peningkatan pertumbuhan penduduk dan jumlah pelajar yang meninggalkan bangku sekolah lebih daripada setengah juta orang setiap tahun menyukarkan pihak kerajaan dan swasta untuk menyediakan pekerjaan. Melalui transformasi dan pemerkasaan pendidikan vokasional sudah tentu hal ini dapat meningkatkan minat dalam kalangan pelajar yang cemerlang untuk menyambung pengajian dalam aliran ini sebagai alternatif dan seterusnya mengaplikasikan pembelajaran sepanjang hayat.

Sekiranya pendidikan ini dapat menjanjikan peluang pekerjaan yang baik dan pendapatan yang tinggi kepada pelajar, pasti ibu bapa turut menggalakkan anak mereka mengambil peluang yang tersedia untuk mengikuti aliran ini. Dengan pemerkasaan pendidikan vokasional oleh kerajaan, maka hal ini berupaya mempercepat usaha untuk menyediakan tenaga kerja yang berkebolehan, berkemahiran, dan berpendapatan tinggi, sekali gus merealisasikan hasrat negara untuk meletakkan Malaysia dalam senarai negara maju di dunia. ☺

Objektif Pendidikan Asas Vokasional	Objektif Kolej Vokasional
<ul style="list-style-type: none"> <li>Menghasilkan remaja berkemampuan vokasional dengan kelayakan bekerja SKM1 dan SKM2.</li> <li>Menghasilkan remaja berkemampuan keusahawanan.</li> <li>Menghasilkan remaja yang bersedia untuk meneruskan pengajian ke peringkat pendidikan dan latihan yang lebih tinggi.</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Melahirkan pelajar berkemampuan pekerjaan aras tinggi dan menepati kehendak industri.</li> <li>Memupuk watak profesional.</li> <li>Melahirkan pelajar berkemampuan usahawan dalam bidang vokasional pilihannya.</li> <li>Membekalkan ilmu untuk melanjutkan pengajian ke peringkat yang lebih tinggi.</li> <li>Memupuk kecintaan kepada pembelajaran sepanjang hayat.</li> </ul>